



# UTM

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

SEMESTER 1, 2020/2021

FALSAFAH & ISU SEMASA

UHS 1022

LAPORAN WEBINAR

Nama:

Luqman Ariff Bin Noor Azhar

Matrik: A20EC0202

K/P: 010830-10-0297

Kursus/Sect:

Fakulti Kejuruteraan (Kejuruteraan Data)

No Tel: 013-6683008

Kolonialisme berasal dari Bahasa Latin , Colore yang bermaksud to cultivate atau untuk memupuk. Ia juga boleh diumpamakan sebagai penyebaran kefahaman, agama atau penegeluasan kuasa. Kolonialisme banyak membantu yang menjajah berbanding mereka yang dijajah. Secara umumnya, negara atau wilayah yang dijajah seringkali dieksploitasi sama ada mineral, sumber bumi atau kerahan tenaga. Para penjajah bukan sahaja mendapat hasil bumi pada bilangan yang banyak, mahal pada harga yang lebih murah atau secara percuma. Hal ini demikian kerana, nyawa penduduk yang dijajah tidak dikorbankan dengan syarat tenaga kerahan diberi kepada penjajah.

Selain itu, kolonialisme juga memberi kesan yang berpanjangan kepada masyarakat yang dijajah. Sejarah, adat, budaya, norma bagi sesebuah masyarakat boleh dicemari oleh pengaruh penjajah. Jadi, golongan yang dijajah pada masa itu kehilangan satu aspek yang penting bagi mereka; iaitu identitinya. Para penjajah juga memperkenalkan budaya mereka sendiri kepada wilayah yang dijajah itu. Antara contohnya, banyak nama tempat di tanah air yang ditukar mengikut nama Inggeris seperti Georgetown. Oleh hal yang demikian, identiti kita semakin berpudar dan digantikan oleh penjajah tersebut.

Oleh hal demikian, dekolonialisme perlu dilakukan setelah sesebuah wilayah atau negara itu dimerdekakan. Mengubah semula identiti yang telah dipaksa oleh para penjajah merupakan suatu tugas yang sukar. Hal ini demikian kerana, kesan penjajahan itu mungkin dijadikan norma baharu bagi penduduk wilayah tersebut. Mereka telahpun lupa akan identiti mereka yang sebenar. Ia menjadi lebih sukar sekiranya artifak atau tulisan yang menceritakan akan sejarah sesebuah wilayah itu dirampas oleh para penjajah. Jadi mereka harus bergantung kepada pembelajaran lisan yang diajar oleh generasi tua.

Saya banyak mendapat tahu perkara baharu terutamanya tentang kolonialisme yang tidak dapat saya pelajari semasa di sekolah dahulu. Saya bersyukur didedahkan semula kepada ilmu ini kerana kita perlu sentiasa mengingati sejarah supaya kita tidak terlupa akannya serta tidak mengulanginya sekali lagi.